

Orang Islam yang Terkemuka

Al-Rāzī Ahli Perubatan dan Kimia

Dalam zaman kebangkitan ilmu pengetahuan di Eropah, kitab-kitab buah tangan al-Rāzī mengenai perubatan telah diterjemahkan ke bahasa Latin dan ke bahasa-bahasa Eropah yang lain. Di antaranya ada yang telah dicetak sebanyak empat puluh kali dari tahun 1498 hingga tahun 1866, dan telah meninggalkan kesan yang amat besar di Eropah – kata Dr. Ahmad Zaki, bekas Pengetua, Universiti Kaherah. Pati makalahnya yang telah disiarkan oleh majalah “*al-Wa‘yu*” keluaran Pakistan, adalah seperti berikut:

Sejarah telah mencatat setakat mana tingginya kemajuan yang telah dicapai oleh ahli-ahli pengetahuan Islam. Dalam negara Islam yang dipimpin oleh kerajaan ‘Abbāsiyyah, banyaklah ahli pengetahuan yang terkemuka dalam lapangan ilmu hisab, ilmu ukur, ilmu falak, ilmu kimia dan ilmu perubatan.

Al-Rāzī telah mempelajari segala jenis ilmu pengetahuan yang tersebut, tetapi yang diutamakan ialah ilmu perubatan dan ilmu kimia.

Al-Rāzī Ahli Perubatan

Nama penuhnya: Abū Bakr Muḥammad bin Zakariyā al-Rāzī. Zahir dalam wilayah al-Ray (Parsi), berhampiran dengan bandar Tehran pada kira-kira tahun 306 hijriyyah, dan menamatkan pelajarannya di Baghdad, ibu negeri negara Islam, yang menjadi pusat ilmu pengetahuan. Di Baghdad juga al-Rāzī mempelajari ilmu perubatan dan mendalami pengetahuan dalam ilmu perubatan Greek, Parsi dan India menurut al-Qifī (seorang ahli sejarah yang terkenal),

bahawa al-Rāzī telah menjadi Ketua Pentadbir Hospital Baghdad, bahkan dia telah menjadi ahli perubatan yang utama dalam negara Islam zaman itu.

Di antara cerita yang menunjukkan keahliannya dalam ilmu kedokteran ialah tatkala ia hendak mencari tempat untuk mendirikan Hospital Baghdad, ia telah pergi ke beberapa buah tempat di bandar Baghdad kerana hendak mencari tempat yang lebih sihat dan lebih bersih udaranya. Ia pun menggantungkan dalam tiap-tiap tempat sepotong daging. Akhirnya ia memilih tempat yang di dalamnya daging itu mengambil masa yang lama sekali baharu busuk.

Al-Rāzī juga ahli falsafah yang kenamaan. Kitab-kitab karangannya berjumlah kira-kira dua ratus buah, separuhnya mengenai ilmu perubatan.

Kitab “*al-Hāwī*”

Di antara kitab-kitab karangannya ialah kitab “*al-Hāwī*”, lebih daripada dua puluh jilid, iaitu sebuah kitab yang besar

sekali dalam ilmu perubatan, yang tidak pernah ditulis seperti ini oleh orang perseorangan. Kitab ini mengandungi ilmu perubatan Parsi, Greek, Arab, dan perubatan Al-Rāzī sendiri yang telah diselidikinya. Sayangnya, hanya sepuluh jilid sahaja yang masih ada sekarang dari kitab *al-Ḥāwī* itu, bertaburan dalam berbagai-bagai kutubkhanah dunia. Kitab ini dinamakannya “*al-Ḥāwī*” (yang meliputi), kerana meliputi segala jenis ilmu perubatan pada zamannya.

Kesan Kitab *al-Ḥāwī* di Eropah

Dalam zaman kebangkitan ilmu pengetahuan di Eropah, kitab *al-Ḥāwī* ini telah diterjemahkan ke bahasa Latin, diterjemahkan oleh Faraj ben Salim al-Isrā’īlī (Yahudi) dengan perintah Charles yang Pertama, Raja Naples (Itali) dan Polo Sicily. Ia telah selesai diterjemahkannya pada tahun 1279 M. Setelah disalin dalam beberapa naskah, maka tersiarlah dia di Eropah dalam beberapa kurun kemudian daripada itu. Pada 1486 M. Kitab ini dicetak bagi kali yang pertama, dan pada tahun 1542 jumlah cetakannya telah mencapai lima kali dengan memakan belanja yang mahal. Kesannya kitab “*al-Ḥāwī*” ini amat besar di Eropah.

Al-Rāzī banyak juga kitab-kitab karangannya mengenai penyakit-penyakit yang telah diselidiki dan diubatinya. Di antaranya sebuah kitab mengenai buah pinggang, batu karang dan pundi-pundi kencing. Dan sebuah lagi sangat masyhur mengenai penyakit cacar dan campak. Kitab ini telah diterjemahkan ke bahasa Latin, dan lain-lainnya bahasa dunia termasuk bahasa Inggeris, dan telah dicetak sebanyak 40 kali dalam masa di antara tahun 1498 hingga tahun 1866. Kitabnya ini sesungguhnya sebuah kitab yang telah memberi gambaran yang jelas sekali tentang kedua-dua penyakit

yang berbahaya itu, yang menjadi dalil tentang keahlian al-Rāzī dan ketajaman perhatiannya.

Zaman Al-Rāzī

Bukan pula al-Rāzī seorang doktor yang tunggal pada zamannya dan dengan itu mudahlah ia mencapai kemajuan yang telah dicapainya itu. Tetapi dia telah hidup dalam zaman ilmu perubatan telah memuncak tinggi kemajuannya dan dia telah berlumba-lumba dengan ahli-ahli perubatan yang menjadi lawannya, dan telah berjaya mengalahkan mereka.

Di Baghdad, dalam zaman pemerintahan khalifah al-Muqtadir billāh, dari kerajaan ‘Abbāsiyyah, ada kira-kira sembilan ratus orang doktor yang telah lulus ujian dan menyandang jawatan. Ini selain daripada doktor-doktor khas di istana Khalifah dan di rumah orang-orang besar negara. Pada zaman yang

Siapakah di antara sahabat Ansar yang utama?

Jawabnya ialah

Sa‘ād bin Mu‘ādh

Bangsawan kabilah Aws yang utama yang banyak jasanya kepada Islam: perjuangannya, hidupnya dan matinya semata-mata kerana Allah.

“Kematian Sa‘ād bin Mu‘ādh adalah satu kehilangan yang sangat besar bagi kaum Muslimin” – kata Ummul Mukminin ‘Ā’ishah.

Perjuangannya? Baca sejarahnya dalam buku ini.

Sejarah syuhada Islam 5.

Senaskhah hanya 50 sen post
10 sen.

tersebut al-Rāzī telah mencapai kemasyhuran yang tidak ada taranya.

Pada zaman itu, perubatan dan ahli-ahli perubatan telah diatur dengan rapinya. Ada doktor-doktor yang dikhaskan untuk tentera, yang mengikuti mereka barang di mana berada, sebagaimana keadaan yang berlaku dalam kalangan tentera zaman kita ini. Ada yang khas untuk khalifah, ada yang khas untuk orang-orang besar (dan hospital-hospital pemerintah), ketiga-tiga jenis doktor yang tersebut digajikan oleh kerajaan. Ada pula jenis yang keempat yang tidak bergaji, yang membuka perusahaan sendiri dan mengubati orang ramai.

Doktor-doktor itu pula berjenis-jenis. Ada doktor am, ada pula doktor yang khas keahliannya, seperti doktor belah membelah, doktor mata, doktor gigi, doktor yang menjalankan khidmatnya untuk kaum perempuan sahaja, dan doktor yang mengubati orang gila.

Anak ‘Abd Allāh bin Ubay

Munafik, ertinya orang yang bermuka dua.

Munafik yang terkenal di dalam sejarah Islam ialah ‘Abd Allāh ibn Ubay. Perbuatannya menyebabkan turun beberapa ayat Tuhan, tetapi anaknya Ḥabbāb, bukan munafik bahkan seorang syuhada yang mengorbankan segala-galanya untuk Allah dan Rasul-Nya.

Baca ceritanya dalam Sejarah Syuhada Islam yang kedelapan.

Senaskah 50 sen post 10 sen

Lazimnya – pada zaman itu – apabila seorang doktor melawat orang sakit akan membawa satu botol yang akan diisi kencing orang yang sakit itu. Kencingnya diperiksa oleh doktor itu, kemudian dikecapnya kerana hendak mengetahui kandungannya, adakah mengandungi benda asam, atau zat gula, ataupun benda yang menyebabkan sembelit. Doktor juga akan merasa urat nadi si sakit kerana hendak mengetahui penyakit yang diidapnya.

Inilah di dunia yang di dalamnya al-Rāzī telah dibesarkan. Ia pun belajar, dan mengajar, serta menjadi seorang yang mahir dalam perubatan dan belah membelah.

Al-Rāzī Ahli Kimia

Al-Rāzī telah mempelajari ilmu kimia pada masa mudanya dan telah bekerja dan mengarang dalam lapangan itu, sebelum dia menumpukan perhatiannya kepada perubatan.

Tidak berapa lama dahulu, sebuah kitab karangannya bernama “*Kitāb al-Ṣana‘ah*” (mengenai ilmu kimia) telah didapati dalam kutubkhanah seorang anak raja India. Di dalam kitab itu, mereka dapati pegangan al-Rāzī dalam ilmu kimia, samalah seperti yang dipegang oleh Jābir bin Ḥayyān (ahli kimia Islam yang masyhur). Tetapi al-Rāzī lebih banyak berdasarkan kenyataan daripada Jābir. Ia telah membahagikan benda-benda kepada tiga bahagian dan diberinya nama berlainan daripada yang diberikan oleh Jābir bin Ḥayyān. Menurut Jābir, benda-benda itu terbahagi tiga, iaitu *jism*, *rūḥ* dan *hawā’* (angin). Tetapi al-Rāzī menamakan pecahan yang tiga jenis itu: “*nabāṭiyyah*” (berasalkan tumbuhan-tumbuhan), “*ḥayawāniyyah*” (berasalkan haiwan), dan “*ma‘adaniyyah*” (berasalkan logam). Istilah al-Rāzī – dalam ilmu kimia – ini, masih dipakai orang hingga hari ini.

Peristiwa yang Menyedihkan

Bagaimana al-Rāzī telah mengalami suatu kemalangan yang amat menyedihkan telah ditulis oleh ahli-ahli sejarah dengan banyaknya.

Kononnya dalam masa al-Rāzī mengembara di Semenanjung Arab dan negeri-negeri Islam yang lain, ia telah berkenalan dengan Abī Šālīh Maṣūūr ibn Nūh, yang kemudiannya menjadi salah seorang raja dari Bani Šāsān (Parsi). Perkenalan itu telah mesra sehingga mengikat tali persahabatan. Al-Rāzī pun mengarang sebuah kitab mengenai ilmu perubatan, lalu diberi nama “*al-Manšūrī*” dan dipersembahkan kepada Abū Šālīh Maṣūūr – sahabat karibnya. Sebagai balasan al-Rāzī mendapat kurnia seribu dinar. Pada ketika itu Abū Šālīh belum menjadi raja. Setelah Abū Šālīh menjadi raja, al-Rāzī pun mengarang sebuah kitab lagi mengenai ilmu kimia dan menegaskan bahawa ilmu yang disajikan di dalamnya boleh diuji kebenarannya. Menurut ceritanya, pada suatu hari al-Rāzī telah dibawa menghadap raja dan raja itu memerintahkan supaya al-Rāzī menjalankan apa yang ditulisnya di dalam kitabnya itu dengan amal perbuatan. Iaitu memerintahkan al-Rāzī membuat emas daripada jenis-jenis logam yang murah harganya. Al-Rāzī pun tampil menjalankan perintah raja tetapi akhirnya ia telah gagal. (Tembaga tetap tembaga, tidak akan dapat dijadikan emas dengan jalan campuran secara kimia). Kegagalan al-Rāzī itu menjadikan raja naik murka lalu berkata: “Beta telah mengurniakan kamu seribu dinar sebagai balasan bagi kitab kamu yang pertama, dan sekarang kamu mestilah dihukum dengan berat kerana kamu menghidupkan (ilmu) dusta di dalam kitab kamu (yang kedua) ini!”. Lalu diperintahkan orang-orangnya memukul kepala al-Rāzī dengan

kitab itu sehingga kitab itu koyak bercetai-cetai.

Al-Rāzī pun dipukul dan kemudian dibuang ke Baghdad. Akibat pukulan itu menjadikan mata al-Rāzī rosak, dan ia enggan pula hendak mengubatinya, lalu buta.

Cerita ini – walau masyhur – tetapi banyak segi-segi yang menjadikan kita syak tentang kebenarannya, kerana tidak disebut oleh Abū al-Faraj, atau oleh Ibn al-Qifī di dalam kitabnya “*al-Hukamā*”, atau pun oleh Ibn al-Nadīm di dalam kitabnya “*al-Fihrist*”. (Ketiga-tiganya telah mengarang kitab-kitab sejarah yang khas mengenai ahli-ahli perubatan Islam yang terkemuka termasuk al-Rāzī – P.). Kemasyhuran cerita itu hanyalah kerana dia suatu cerita yang menarik, maka banyaklah menurunkannya di dalam kitab-kitab mereka.

Khusyukkah Sembahyang Tuan?

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa kita ini berasal dari setitik air yang hanyir dan akan kembali menjadi bangkai yang busuk yang tidak ada harganya” – kata Kiyai Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan Kiyai Muhammad Hasbi.

Sujudlah Kepada Tuhanmu!

Disusun oleh ‘Idrūs

Sebuah buku serial Syarahan 2

yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskah hanya 40 sen sahaja. Ukuran kecil.